

Pimpinan PM kukuh perpaduan nasional

UM 24 AUG 2003

KUALA LUMPUR 23 Ogos — Kepimpinan sejati Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah memperkukuhkan perpaduan nasional dan integrasi sosial di negara ini, kata Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik.

Beliau berkata, sebagai bukti kepada sokongan terhadap wawasan pembangunan sosial Perdana Menteri, rakyat memberi kemenangan besar kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum 1995 dan sekali lagi pada 1999, walaupun sokongan pengundi Melayu kepada BN berkurangan.

“Saya yakin sokongan itu akan dan sudah pun kembali kepada kita kerana rakyat sudah jemu dengan sikap jumud, oportunistik dan politik bahaya yang diamalkan oleh pembangkang,” katanya semasa berucap pada Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke-32 parti itu di Menara PGRM di sini, hari ini.

Seramai 1,800 perwakilan menghadiri persidangan dua hari itu yang bermula hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN merasmikan persidangan itu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan pemimpin parti komponen BN lain.

Keng Yaik berkata, sebenarnya ramai penganalisis sosial memuji keupayaan Dr. Mahathir dalam mengekal dan memupuk keharmonian kaum, termasuk penulis yang juga ahli sains sosial terkemuka dunia, Dr. Alvin Toffler.

Beliau berkata: “Menurut Toffler dalam bukunya *Future Shock dan The Third Wave*, jika mana-mana ahli makroekonomi, jurubank pelaburan atau penulis editorial beranggapan mereka mampu mentadbir sebuah kerajaan yang majmuk dan pelbagai etnik dengan aman dan lebih baik dalam sebuah dunia yang dicemari pembersihan etnik, sila tampil ke depan. Mahathir sudah berjaya melaksanakannya”.

Menurut Keng Yaik, kejayaan Dr. Mahathir lebih jelas apabila

menggariskan sembilan objektif Wawasan 2020, dengan keutamaan untuk mewujudkan negara Malaysia yang bersatu dengan matlamat yang dikongsi bersama.

“Tiada pemimpin lain dalam sejarah Malaysia sebagai sebuah negara, yang memberikan penekanan dan harapan untuk mewujudkan bangsa Malaysia sejati melainkan Mahathir.

“Beliau secara konsisten mengingatkan kita supaya tidak mengambil mudah keperluan bagi melaksanakan tanggungjawab mewujudkan sebuah masyarakat yang liberal dan bertoleransi, malah dapat menghargai cara yang dilaksanakan oleh orang lain,” katanya.

Secara umum, beliau berpendapat Dr. Mahathir telah berjaya membuatkan masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dan budaya menerima kemajmukan sebagai satu kekuatan yang memberikan faedah dan bukannya melemahkan.